

Membina Legasi Harmoni dalam Perkhidmatan Awam Berlandaskan Al-Quran

Norhudi'in Danu, Mashitah Mohd Udin, dan Affendi Rajini Kanth

ABSTRAK

Islam adalah agama fitrah yang terkandung di dalamnya ajaran lengkap kehidupan setiap insan. Selagi mana seorang muslim itu berpegang teguh kepada ajaranNYA dan merujuk segala kepada al-Quran dan as-Sunnah, maka urusan kehidupannya akan lebih baik. Menerusi kajian ini, akan disingkap rahsia keharmonian yang terkandung di dalam al-Quran. Harmoni perlu dipupuk bukan sahaja di dalam sebuah rumahtangga, tetapi di semua organisasi. Kajian akan memberi tumpuan kepada sektor awam kerana sektor awam merupakan nadi penggerak pentadbiran dan pengurusan negara. Legasi harmoni yang semakin menipis dikalangan penjawat awam, agak mengkusarkan pengurusan tertinggi khususnya dan masyarakat awam amnya. Metod yang akan digunakan adalah kajian secara kualitatif dengan menggunakan sepenuhnya sumber kepustakaan dan pastinya al-Quran sebagai rujukan utama. Bahan rujukan ilmiah yang lainnya seperti journal, artikel, buku dan keratan akhbar juga akan diguna pakai. Menerusi dapatan kajian ini nanti, diharap perkhidmatan awam lebih mantap dan teguh dalam melaksanakan tugas. Melahirkan suasana seronok bekerja seperti satu keluarga. Ikhlas bekerja secara harmoni sebagai satu pasukan melalui proses mengeluarkan perkhidmatan awam. Menyemat dalam jiwa bahawa bekerja merupakan satu ibadah yang dituntut oleh Islam.

Kata kunci: Pentadbiran awam, legasi harmoni, mengeluarkan perkhidmatan awam

PENGENALAN

Keutamaan manusia bekerja adalah untuk mencari rezeki buat diri sendiri dan seisi keluarga. Rezeki yang halal pastinya akan menjamin kebahagiaan berpanjangan. Perkara ini juga adalah tuntutan utama dalam Islam. Kehidupan itu adalah satu perjuangan untuk mendapatkan keredhaan Allah. Apa yang telah dibawakan oleh Rasulullah SAW sebagai utusan Allah adalah sesuatu yang sangat sempurna ajarannya. Ditinggalkan kepada seluruh umat sebuah kitab suci iaitu al-Quran yang merupakan kalam Allah. Manakala as-Sunnah sebagai penjelasan yang lebih rapi melalui perlakuan, percakapan mahu pun perutusan Rasulullah SAW.

Setiap sesuatu itu pasti ada permulaan. Permulaan sebuah kehidupan itu adalah apabila ditiupkan roh ke dalam rahim ibunya. Lahirnya anak itu tidak pernah sebatang kara. Pasti ada latar belakang keluarga bersamanya. Bermula dengan merangkak, bertatih, berjalan, berlari dan mengoncang dunia. Titik permulaannya bersama keluarga. Melangkah dewasa menempuh cabaran dunia berkerjaya, mula mencipta keluarga baru dalam hidupnya. Organisasi itu keluarga baru, perlu diserasikan, dipupuk nilai murni di dalamnya, mewujudkan kesefahaman sehinggalah wujud keseronokan dalam bekerja. Pulanglah dengan jiwa yang gembira, rezeki halal untuk menyara keluarga, berbakti kepada agama dan negara. Inilah yang sama-sama kita bina, sebuah keluarga dalam kelompok kerja bersama agar segala amanah dipikul rata demi negara tercinta.

Sektor awam yang telah bertapak sejak sebelum merdeka lagi adalah merupakan barisan hadapan dalam urusan pentadbiran negara. Penjawat awam merupakan orang tengah di antara kepimpinan utama negara kepada seluruh rakyat melalui pelbagai pecahan tugas. Lantikan sebagai penjawat awam pastinya mengikut kepakaran setiap individu yang dipilih dan dilantik. Bidang tugas yang digalas perlu dikuasai melalui kemahiran tertentu. Pengalaman orang lama tidak boleh diambil ringan dan kemahiran orang baru perlu digunakama. Oleh kerana itulah

sangat penting keharmonian di tempat kerja agar adunan yang lama dan yang baru akan membuahkan hasil yang luar biasa sekaligus membawa keuntungan berlipat ganda kepada organisasi. Pastinya perkara ini tidak boleh dilakukan secara individu. Proses pengurusan pentadbiran perlu dijalankan secara berkumpulan supaya ia lebih mudah diselenggara, pantas tindakannya dan mencapai matlamat organisasi.

Pentadbiran Awam Malaysia

Kejayaan sesebuah organisasi itu bermula dengan pengurusan sumber manusia yang efisien dan peka terhadap keperluan ahli pasukan mereka sendiri. Pengurusan sumber manusia ialah satu sistem, falsafah, polisi dan amalan yang mempengaruhi individu yang bekerja di dalam organisasi. Pengurusan sumber manusia meliputi aktiviti yang berkaitan dengan kakitangan. Setiap seorang pemimpin itu perlu mempunyai misi dan visi sebagai halatuju organisasi yang dipimpin. Penyusunan strategi yang dinamik akan memimpin organisasi tersebut ke arah pemikiran dan tindakan yang dinamik dan bermatlamat. Latihan dan pembangunan, penilaian prestasi, pentadbiran pampasan, keselamatan dan kesihatan serta perhubungan perusahaan perlu sentiasa diperbaharui mengikut kesesuaian arus perjalanan peredaran zaman.

Pengurusan sumber manusia yang hebat akan membawa halatuju pentadbiran organisasi itu kepada satu tanda aras yang paling baik kepada pemegang taruh (*stakeholder*). Ditambah dengan perkembangan dan cabaran globalisasi masa kini, dunia tanpa sempadan dan segala berada diujung jari, patut disedari oleh semua pihak agar demografi alaf baru ini dapat diserap dan diguna pakai untuk perkara yang lebih baik dan hebat. Segala sumber perlu ditadbir urus dengan cekap dan segalanya bermula dengan perntadbiran organisasi. Perkara inilah yang menjadi tanggungjawab setiap seorang penjawat awam agar segala urusan dapat diurus tadbir secara komprehensif dan holistik.

Globalisasi telah merubah corak pemikiran yang lebih kritis dan mempunyai ekspektasi yang sangat tinggi terhadap peranan kerajaan dalam urusan tadbir negara. Dalam mengharungi cabaran yang semakin kompleks ini, Malaysia juga tidak terkecuali dalam meneruskan usaha bagi merealisasikan Perkhidmatan Awam bertaraf dunia. Tanpa sebarang prejudis, perkhidmatan awam Malaysia perlu melepasi semua palang yang dicipta oleh masyarakat untuk menyelesaikan segala aduan secara segera dan bersedia untuk menerima sebarang kritikan. Dengan erti kata lain, pegawai perkhidmatan awam perlu mempunyai tahap emosi yang kebal dan bersedia memperbaiki servis yang ditawarkan. Dalam masa yang masa memecah tembok birokrasi dan mencampak jauh amalan rasuah yang menjadi barah dalam perkhidmatan.

Jumlah penjawat awam yang ramai pada hari ini adalah bagi memenuhi semua perkhidmatan dari pelbagai ragam, sama ada dari urusan pembangunan seperti menyediakan kemudahan-kemudahan prasarana, berbentuk sosial, sebagai contoh menyediakan perkhidmatan pendidikan, khidmat kesihatan, perumahan dan kebajikan. Tidak ketinggalan juga perkhidmatan pembangunan ekonomi dan keselamatan negara. Penjawat awam adalah asset terbesar negara yang menjadi pemudah cara dalam segala urusan pentadbiran. Kecekapan dan penguasaan dalam bidang masing-masing perlu dikuasai dengan utuh agar segala cabaran yang mendatang dapat didepani dengan penuh keyakinan dan akan memberi impak besar kepada organisasi dan negara.

Malaysia merupakan sebuah negara yang berorientasikan kebajikan dan kepetingan rakyat. Kewujudan perkhidmatan awam secara kolektif adalah jentera yang akan menterjemahkan apa jua keputusan kerajaan agar ia menjadi kenyataan. Dengan erti kata lain, kakitangan perkhidmatan awam Malaysia adalah pelaksana bagi sistem penyampaian kerajaan. Penjawat awam berperanan memberi perkhidmatan kepada rakyat. Gaji dan apa jua bentuk ganjaran serta imbuhan dibayar oleh rakyat melalui kutipan cukai. Maka diharap dalam diri setiap penjawat awam itu perlu mempunyai sikap yang telus dan bebas dari amalan rasuah berorientasikan keluhuran integriti.

Sejajar dengan visi yang telah digariskan oleh JPA iaitu menawarkan perkhidmatan awam yang berprestasi tinggi, berintegriti, dinamik dan berjiwa rakyat. Bagi mencapai target yang telah ditetapkan, setiap organisasi perlu memiliki barisan penjawat awam yang berkaliber yang mampu bertindak sebagai pemimpin. Pemimpin yang dimaksudkan itu perlu mempunyai kepakaran, berinovasi dan berani menghadapi cabaran bersandarkan nilai integriti, akuntabiliti dan ketelusan dalam menjalankan setiap amanah yang dipertanggungjawabkan kepadanya.

Sebagai sebuah badan yang mengepalai perkhidmatan awam secara keseluruhan, Jabatan Perkhidmatan Awam telah menetapkan misinya iaitu memacu dan menerajui pembangunan sumber manusia dalam perkhidmatan awam. Dalam usahanya meletakkan perkhidmatan awam ke satu tempat yang paling baik di mata umum, ia memerlukan kolaborasi mantap antara pemimpin, penggerak, pelaksana dan mereka yang berada di bawah seliaannya. Semua kakitangan awam perlu bersedia mentransformasi perkhidmatan kepada satu tahap perkhidmatan bertaraf dunia. Sentiasa bersedia menerima dan menguasai arus moden globalisasi yang mana kemajuan teknologi se pantas kilat. Ini merupakan satu landskap baru dalam perkhidmatan yang perlu dikuasai oleh semua kakitangan awam secara total.

Penjawat awam perlu lebih berfikiran jauh ke hadapan (*futuristic*) dengan mengelak untuk melakukan kesilapan yang sama seperti semalam dan prihatin dalam semua tindakan yang dilakukan pada hari ini. Kembalilah kepada fitrah diri secara semulajadi dengan mengenali serta menyingkap segala bakat dan potensi diri. Perkara ini sangat penting untuk melahirkan kakitangan awam yang berkualiti dan bersedia untuk menebus segala keciciran sebagai usaha berterusan untuk mempertingkatkan mutu perkhidmatan awam secara holistik. Seluruh kakitangan awam perlu menanamkan sifat bekerja dengan penuh kesungguhan dan memegang amanah yang dipertanggungjawabkan kepadanya dengan penuh dedikasi dan berdaya maju.

Legasi Harmoni Menurut Islam

Hubungan harmoni antara majikan dan pekerja akan menghasilkan kerja yang baik dan organisasi yang mantap. Maka perlu diberi perhatian berkenaan perkara ini agar setiap perancangan organisasi dapat dilaksanakan mudah dan berjaya. Hasilnya akan memberi tahap kepuasan pelanggan dan seluruh warga jabatan di peringkat teratas. Perkara ini bukan sahaja memberi kelebihan kepada jabatan dan organisasi yang terlibat, tetapi memberi impak positif kepada pembangunan negara.

Keharmonian menurut Jabatan Perhubungan Perusahaan Malaysia, Kementerian Sumber Manusia, ia merujuk kepada perhubungan yang baik dan harmoni di antara majikan dan pekerja serta kesatuan sekerja. Sesebuah organisasi itu dianggap harmoni apabila berlaku pertikaian antara majikan dan pekerja serta kesatuan sekerja mereka adalah pada tahap yang paling minimum dan terkawal. Disamping itu majikan dan pekerja sentiasa saling memahami dan hormat- menghormati peranan, hak dan tanggungjawab masing- masing. Majikan dan pekerja juga sentiasa bertolak ansur serta sentiasa menjalin hubungan baik dan harmoni yang berterusan antara mereka untuk kebaikan kedua-dua pihak (Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar, Jabatan Perhubungan dan Perusahaan Malaysia, 2013).

Menurut perspetif Islam, keharmonian di tempat kerja akan wujud dengan adanya prinsip persamaan merangkumi persamaan dalam nilai kemanusiaan, persamaan dalam undang-undang, persamaan dalam hak umum politik dan persamaan dalam urusan ekonomi. Islam menetapkan supaya manusia diberi layanan sama rata dalam segala bentuk tanggungjawab, balasan dan hak undang-undang seperti mengurus dan memiliki tanpa membezakan di antara rakyat dan pemerintah, kaya dan miskin, keluarga dan bukan keluarga, lelaki dan perempuan dan seterusnya Islam dan bukan Islam (Berita Harian, 2018).

Penjelasan ini menunjukkan bahawa Islam adalah sebuah agama yang mudah didekati bukan ditakuti seperti mana yang digembar gemburkan oleh barat. Prinsip keinsanan dan jalinan hubungan kemanusiaan sangat jelas menurut pandangan Islam. Asas kepada perhubungan manusia itu adalah bersifat ramah, berkasih sayang, toleransi, menjaga keharmonian. Ditambah lagi dengan sifat bekerjasama dan saling tolong menolong. Islam menolak sekuatnya sifat kebencian dalam diri manusia (Prof Dr. Taufiq Yap Yun Hin, 2018). Selaras dengan firman Allah yang bermaksud:

“Wahai orang beriman, hendaklah kamu sentiasa menjadi orang yang menegakkan keadilan dan menerangkan kebenaran demi Allah, Janganlah kebencian kamu terhadap sesuatu kaum mendorong kamu melakukan ketidakadilan”.

(Surah al-Maidah: 8)

Melalui ayat diatas memperjelaskan kepada kita bahawa Islam melarang keras sifat kebencian sesama manusia. Keharmonian perlu dijaga dan dipupuk. Begitu juga keadaan di mana-mana organisasi terutamanya perkhidmatan awam. Ini kerana perkhidmatan awam adalah agensi kerajaan yang dipertanggungjawabkan sebagai pelaksana kepada pentadbiran negara.

Mengkeluargakan Perkhidmatan Awam

Keluarga mengikut kacamata masyarakat secara umum adalah hubungan yang mempunyai talian darah. Terdapat dua kategori iaitu keluarga asas dan keluarga besar. Apabila kita menyebut ‘keluarga’ bererti kita perlu mempunyai ikatan yang kukuh (*chemistry*). Saling bertaut antara satu sama lain, sentiasa bersedia membantu dan bekerjasama dalam apa jua keadaan, hatta sanggup berkorban mendermakan organ sekali pun jika ia mampu menyelamatkan nyawa ahli keluarga yang memerlukan. Begitulah perhubungan akrab sesama ahli keluarga.

Hubungan akrab inilah yang ingin kita bentuk dan pupuk dalam institusi perkhidmatan awam tanpa mengetepikan batas-batas dalam perhubungan menurut hukum syarie yang telah ditetapkan oleh Islam. Setiap individu perkhidmatan awam adalah satu keluarga besar yang berada di bawah satu naungan pentadbiran yang sama. Maka sangat perlu untuk kita semua sentiasa saling menjaga kebajikan antara satu sama lain dan sentiasa bersedia menghadapi segala macam rencam cabaran dalam menjalankan amanah kepada organisasi, masyarakat, agama dan negara dengan penuh rasa tanggungjawab.

Keindahan dan keharmonian dalam Islam itu perlu disebar luaskan pengetahuannya kepada semua lapisan masyarakat walaupun dari pelbagai kaum, agama dan budaya yang berbeza. Perkara ini telah diberi pemahaman yang jelas oleh Allah di dalam al-Quran menerusi surah al-Hujurat ayat 13 yang bermaksud:

“Wahai manusia, sesungguhnya KAMI telah menciptakan kamu daripada seorang lelaki dan seorang perempuan, kemudian KAMI menjadikan kamu berbangsa-bangsa dan bersuku-suku agar kamu saling kenal mengenali. Sesungguhnya yang paling mulia di antara kamu di sisi Allah ialah orang yang paling bertaqwa. Allah Maha Mengetahui lagi Maha Teliti”.

(Surah al-Hujurat, 13)

Ayat di atas dengan jelas menjadi panduan kepada kita semua untuk saling menyantuni antara satu sama lain. Tiada istilah “*resis*” dalam kamus diri setiap individu sekiranya tersemat didalam hati nurani, sesungguhnya matlamat hidup kita adalah untuk menuju ke satu destinasi yang indah. Kita mahukan kesejahteraan, kemakmuran, kebahagiaan dan kedamaian sesame manusia dan sesame makhluk. Mana mungkin kita dapat mencapai matlamat seindah itu secara solo. Kita perlukan individu lain untuk bersama-sama kita menuju puncak impian.

Sejajar dengan sifat dan naluri kemanusiaan inilah Perdana Menteri Malaysia ke-10, Dato' Seri Anwar Ibrahim telah mengetengahkan konsep 'Malaysia Madani'. Dasar kepimpinan ini telah dilancarkan pada Januari 2023. Fokus dasar kepimpinan ini adalah untuk membina keharmonian masyarakat majmuk di Malaysia, menampilkan pembangunan yang mampan dan melaraskan tadbir urus yang baik. Bagi mencapai konsep Malaysia Madani ini, bersamanya telah digariskan enam perkara utama iaitu kemampanan, kesejahteraan, daya cipta, hormat, keyakinan dan ihsan (Anwar Ibrahim, 2022).

Dasar Malaysia Madani ini telah menggantikan konsep 'Keluarga Malaysia' yang diperkenalkan oleh Perdana Menteri ke-9 iaitu Dato' Sri Ismail Sabri. Menurut buku kecil yang mengandungi maklumat ringkas 'Keluarga Malaysia' itu, tiga teras utama tersebut ialah Keterangkuman (*inclusivity*), Kebersamaan (*common ground*) dan Kesyukuran (*contentment*). Bagi pengkayaan nilai-nilai di bawah tiga teras berkenaan termasuk menyemai budaya integriti dalam keluarga, menjadikan budaya amanah sebagai budaya keluarga, menjadikan prinsip keadilan sebagai teras pengukuhan keluarga dan menjadikan amalan bermusyawarah sebagai amalan keluarga. (Berita Harian, 2021)

Perkara yang sama kita akan bawakan ke dalam organisasi perkhidmatan awam kita hari ini iaitu mengeluarkan perkhidmatan awam. Setiap dalam diri penjawat awam perlu disemai benih cinta kerja secara bersama dengan penuh rasa syukur. Konsep syukur ini sangat luas huraiannya. Namun yang pasti, sekiranya setiap jiwa yang bersyukur itu akan sentiasa inginkan yang baik, berbuat kebaikan dan sentiasa memberi sesuatu yang baik. Paling penting adalah perkara yang terhasil akan memberi manfaat kepada semua. Kerana sebaik-baik manusia disisi Allah itu adalah mereka yang memberi manfaat kepada yang lainnya.

Sebuah organisasi yang mempunyai keserasian dan keakraban sesama ahli organisasinya sudah pasti akan saling melengkapi untuk menjayakan misi dan visi jabatan. Semangat setia kawan dan kekitaan akan tersemat dalam diri setiap individu, saling berpesan kepada kebaikan dan bermesyuarah akan menjadi panah yang akan memecahkan segala kecelaruan. Bagi menjayakan perkara ini, semua ahli organisasi perlu mempunyai sistem komunikasi dua hala yang berkesan untuk memastikan semua maklumat dan arahan dapat disampaikan dengan jelas dan bukan seperti menjayakan aktiviti 'radio buruk'. Anne Morrow Linbergh mengatakan bahawa:

"Komunikasi yang baik memberi tindak balas seperti kopi pekat. Selepas meminum kopi pekat, ia menyukarkan kita tidur selepasnya. Begitulah berkesannya komunikasi, jikalau dilaksanakan dengan baik dan kena pada tempatnya. Perkataan yang betul dan tepat akan menghasilkan keindahan".

(Abdul Rahman Husin, 2007)

Rancaknya arus kemodenan era globalisasi dan ditambah dengan dugaan pandemik yang telah kita lalui. Memberi kesan besar kepada pertumbuhan ekonomi, pendidikan, perlancongan dan banyak lagi. Proses membaik pulih bukan satu perkara yang mudah kerana ia melibatkan pelbagai lapangan dan berbagai lapisan masyarakat. Perkara ini menyeru kita untuk bangkit secara bersamandalam suasana yang harmoni. Otak yang dipinjamkan Allah beserta dengan kudrat yang ada perlulah digunakan sebaiknya untuk memakmurkan seluruh alam agar generasi akan datang dapat merasai indahnya sebuah kehidupan yang sejahtera dan harmoni.

Situasi seperti ini mengajak kita semua terutamanya barisan hadapan pentadbiran negara untuk teguh berdiri sebagai satu pasukan. Penjawat awam perlu mempunyai jati diri yang utuh dengan menjaga sebaiknya amanah dalam diri sendiri dan sentiasa menjaga amanah organisasi melalui pelaksanaan kerja dengan penuh integriti berbekalkan semangat yang tidak pernah pudar. Semangat untuk saling membantu menjaga keamanan negara dan bersama membantu memulihkan ekonomi serta mempertingkatkan mutu pendidikan anak bangsa.

Untuk mendapatkan hasil seperti yang diinginkan, seluruh penjawat awam perlu menjadi insan yang “*Super*” yang memiliki sifat yang mengagumkan. Super yang dimaksudkan adalah, mampu menghadapi dan menangani semua situasi dan keadaan secara positif. Perincian kepada ciri super ini adalah, setiap penjawat awam itu hendaklah beriman, berilmu, mempunyai pelbagai nilai tambah dalam diri, berperanan mengajak kepada kebaikan dan sentiasa menjauhkan diri dari segala kemungkaran serta bersifat adil sesama manusia. (Dr. Danial Zainal Abidin, 2009). Kesemua ciri ini perlu diikat rapi dalam setiap penjawat awam agar dapat membina sebuah kegemilangan negara maju dan berdaya saing.

PENYATAAN MASALAH

Ada juga sedikit kebenarannya, semakin maju teknologi, semakin terhakis sifat kemanusiaan dan kebersamaan. Teknologi menjadikan lingkungan dunia itu seakan mengecik. Namun hakikatnya hubungan sesama manusia semakin menjauh. Majoriti masyarakat lebih mesra di alam maya tetapi menjauh tatkala bersemuka. Fenomena ini amat menggusarkan semua pihak. Kita tidak boleh lari dari fitrah, saling memerlukan, saling membantu, saling berkasih sayang untuk mencapai tahap hidup yang harmoni dan sejahtera.

Senario ini bukan sahaja berlaku dikalangan remaja khususnya tetapi ia telah mula merebak hingga ke organisasi pentadbiran. Sudah pasti pentadbiran awam juga tidak terlepas dari situasi seperti ini. Teknologi sememangnya banyak membantu memudahkan urusan pentadbiran lebih pantas dan jimat. Tetapi hubungan kemanusiaan juga tidak boleh dipandang remeh. Jika ingin mentadbir urus dengan baik, maka langkah paling selamat dan wajar dipupuk semula adalah melalui penerapan nilai-nilai murni dan mewujudkan suasana harmoni di tempat kerja.

Legasi keharmonian perlu lebih mantap, sehingga menjadikan tempat kerja dan seluruh warga kerja yang terlibat didalamnya, bekerja secara bersama dengan keadaan selesa seperti sebuah keluarga yang harmoni. Saling membantu dan melengkapi tanpa rasa iri dan perkara yang banyak berlaku adalah sifat berat tulang sesama rakan sekerja. Sememangnya setiap kakitangan itu mempunyai peranan, tanggungjawab dan fokus tugas (*Job Description*) masing-masing, tetapi adalah lebih baik jika kakitangan yang lain juga dapat menguasainya. Ia akan lebih meringankan beban dan lebih seronok bekerja secara bersama.

Setiap kakitangan seharusnya menolak jauh kepentingan diri di tempat kerja tetapi sebaliknya lebih mengutamakan fokus jabatan masing-masing. Apa yang disasarkan oleh organisasi perlu dipikul secara bersama oleh semua kakitangan agar semua kerja menjadi lebih mudah. Lebih-lebih lagi sector awam kerana ia adalah amanah dari kepimpinan dan rakyat.

OBJEKTIF KAJIAN

1. Untuk menghuraikan tentang peranan penjawat awam dalam pengurusan dan pentadbiran awam.
2. Untuk menjelaskan kepentingan bekerja secara bersama seperti sebuah keluarga.
3. Untuk memperkukuhkan legasi keharmonian di tempat kerja terutamanya perkhidmatan awam.
4. Untuk menyingkap tatacara pentadbiran yang diperjelaskan di dalam al-Quran.

DAPATAN KAJIAN

Setiap individu yang bekerja mempunyai tanggungjawab tersendiri kepada organisasinya. Sangat penting bagi semua kakitangan menjaga keharmonian di tempat kerja sama ada sesama rakan sekerja mahu pun bersama majikan. Dapatan kajian ini telah menggariskan **lima prinsip** yang perlu dijadikan pegangan kepada seluruh penjawat awam agar kekal harmoni di tempat supaya dapat menawarkan perkhidmatan terbaik kepada organisasi.

Pemikiran yang POSITIF

Pemikiran yang matang dan positif juga memainkan peranan penting yang akan mempengaruhi perwatakan seseorang. Orang yang positif mindanya akan lebih bersifat terbuka dan mudah untuk didekati. Perkara ini akan mempengaruhi suasana di tempat kerja. Berfikiran positif juga berupaya menepis rasa lemah sewaktu berdepan dengan kegagalan. Sebaliknya diri sentiasa bermotivasi melihat setiap peluang untuk terus sukses dalam setiap lapangan. Positif dengan arahan ketua atau pihak atasan demi kebaikan organisasi. Persekitaran kerja yang harmoni pasti dapat dikekalkan apabila kesemua ahli organisasi berfikir dengan positif. Kajian yang telah dibuat oleh Profesor Barbara Fredrickson bersama kumpulan penyelidikinya mendapati, mereka yang berfikir secara positif dan mengekalkan keterbukaan hati (reda) dengan hal baik atau buruk, dapat menjadikan seseorang itu lebih bersedia untuk menghadapi hari esok dan seterusnya (Barbara Fredrickson, 2001). Kenyataan ini diperkukuhkan dengan firman Allah yang bermaksud:

"Allah tidak membebani seseorang melainkan sesuai dengan kesanggupannya".

(Surah Al Baqarah, 286)

Bersikap PROAKTIF

Setiap ahli organisasi perlu mempunyai sikap proaktif bagi menguruskan pekerjaan dengan cemerlang. Menurut Stephen Richards Covey dalam bukunya yang bertajuk *The 7 Habits of Highly Effective People*, proaktif merupakan tabiat pertama untuk menjadi individu yang efisien. Definisi proaktif dalam perkhidmatan adalah mereka yang mempunyai inisiatif merangka dan mengawal tindakan. Perancangan yang dilakukan lebih awal daripada jangkaan sebelum berlakunya sebarang kejadian (Stephen Richards Covey, 1989). Ini adalah satu sifat tanggungjawab yang tinggi. Perkara ini akan membantu mengurangkan tekanan kerja. Ia juga akan mengurangkan berlakunya konflik dalam tempoh pelaksanaan tugas kerana merancang tugas lebih awal berbanding kerja "*last minute*". Di dalam al-Quran juga Allah telah memberi gambaran bahawa, penyesalan manusia selepas kematiannya kerana tidak berbuat baik dan yang terbaik untuk kehidupannya. Namun penyesalan selepas kematian adalah sesuatu yang sia-sia.

"Dan jika Kami turunkan malaikat pun kepada mereka, dan orang-orang yang mati (hidup semula lalu) berkata-kata dengan mereka, dan kami himpunkan pula tiap-tiap sesuatu di hadapan mereka (untuk menjadi saksi tentang kebenaran Nabi Muhammad), nescaya mereka tidak juga akan beriman, kecuali jika dikehendaki Allah; tetapi kebanyakan mereka tidak mengetahui (hakikat yang sebenar).

(Surah al-An'am: 111)

Sedia BERKONGSI

Menawarkan diri untuk berkongsi idea dan membantu rakan sekerja mahupun ketua adalah satu keberanian dan amalan yang perlu dicontohi oleh semua ahli dalam organisasi terbabit. Berkongsi idea baru, walau pun ia mungkin bukan sesuatu yang baru bagi rakan sekerja yang lain, tetapi setiap ahli organisasi perlu memberi perhatian dan menghormati keberanian itu. Tindakan seperti ini adalah sebagai sokongan padu dan tanggungjawab yang dipikul bersama. Alangkahli

indalnya sikap *“win-win situation”* diamalkan dengan baik supaya keharmonian suasana kerja dapat dikekalkan dan sentiasa terpelihara. Menurut Islam, sebaik-baik manusia itu adalah mereka yang memberi manfaat.

Jangan sesekali kita mempunyai sifat untuk tidak menyampaikan kebaikan dan menyorok kebaikan (bukan untuk tujuan menunjuk). Ilmu dan kebaikan perlu disebar kerana Allah berfirman di dalam al-Quran yang bermaksud:

“Sesungguhnya orang-orang yang menyembunyikan apa yang telah Kami turunkan berupa keterangan-keterangan (yang jelas) dan petunjuk, setelah Kami menerangkannya kepada manusia dalam Al Kitab, mereka itu dilaknati Allah dan dilaknati (pula) oleh semua (mahluk) yang dapat melaknati”.

(Surah al-Baqorah: 159)

Cabar KEUPAYAAN DIRI

Pekerjaan merupakan satu platform untuk mencabar keupayaan diri. Bekerja bukan semata-mata untuk mendapatkan gaji bagi menyara kehidupan dan mengumpul kekayaan. Tetapi ia adalah sesuatu yang lebih dari itu jika diamati dengan lebih mendalam. Di dalam diri seorang manusia itu terkandung di dalamnya pelbagai keupayaan diri yang perlu ditonjolkan. Ia akan dapat diketahui oleh setiap individu itu sendiri sekiranya mereka berusaha mengenali, mengasah dan menonjolkan potensi diri. Firman Allah ada menjelaskan tentang perkara ini melalui surah at-Tiin yang bermaksud:

“Sesungguhnya benar, Kami ciptakan manusia dengan sebaik-baik kejadian”.

(Surah at-Tiin: 4)

Jangan sesekali menganggap pekerjaan sebagai satu bebanan kerana setiap individu yang dipertanggungjawabkan kepada mereka jawatan, makai a adalah satu tanda kepercayaan untuk menjalankan amanah. Setiap seorang penjawat awam itu perlu percaya kepada diri sendiri untuk menjalankan tugas dan tanggungjawab dengan baik. Justeru, setiap individu dalam setiap organisasi kerajaan mahu pun swasta mempunyai tanggungjawab yang sama rata dalam memastikan kehannonian suasana di tempat kerja berada pada tahap yang paling tinggi.

Sentiasa KONSISTEN

Konsisten atau lebih mudah adalah ‘istiqomah’. Segala perbuatan baik yang kita lakukan perlulah dilakukan secara konsisten atau berterusan agar ia menjadi nadi atau darah daging kepada diri sendiri. Dalam menjalani kehidupan seharian, konsisten merupakan satu perkara yang sangat penting dan sukar untuk dilakukan kerana hati manusia itu sering berbolak balik. Disini pentingnya setiap individu itu mempunyai pegangan agama yang kuat agar tidak mudah terpengaruh dengan asakan dunia yang melalaikan. Kalam Allah ada memberi contoh kepada kita melalui kisah Nabi Musa, bagaimana untuk kita kekal istiqomah:

“Dan kami telah janjikan masa kepada Nabi Musa (untuk memberikan Taurat) selama tiga puluh malam, serta Kami genapkan jumlahnya dengan sepuluh malam lagi, lalu sempurnalah waktu yang telah ditentukan oleh Tuhannya empat puluh malam. Dan berkatalah Nabi Musa kepada saudaranya Nabi Harun (semasa keluar menerima Taurat): “Gantikanlah aku dalam (urusan memimpin) kaumku dan perbaikilah (keadaan mereka sepeninggalanku), dan janganlah engkau menurut jalan orang-orang yang melakukan kerosakan”.

(Surah al-A’raf: 142)

Kakitangan dan majikan yang konsisten mutu kerjanya akan melahirkan integriti yang tinggi dalam perkhidmatan. Ini kerana konsisten adalah sikap berpegang teguh kepada kemampuan diri dan akan sentiasa berusaha untuk mendapatkan yang lebih baik dari sebelumnya.

HARMONI ADALAH SATU KEJAYAAN DALAM PERKHIDMATAN AWAM

Definisi “kejayaan” adalah berbeza-beza dari pelbagai kacamata individu. Yang pasti kejayaan akan membuahkan hasil dan memberi impak kegembiraan. Kejayaan juga menjadi keinginan, matlamat dan impian setiap manusia. Kejayaan tidak akan datang bergolek seperti menanti bulan jatuh ke riba. Sebaliknya kejayaan perlu diusahakan dengan bersungguh-sungguh dengan mengatur pelbagai strategi terancang bagi memastikan ia dapat dikecapi. Potensi diri perlu digembleng sepadanya bersama pengetahuan, kemahiran dan pengalaman yang pernah ditempuhi atau dimiliki. Disamping itu juga perlu mencari nilai tambah menerusi pengalaman dan kejayaan orang lain agar dapat membantu meningkatkan motivasi diri.

Hakikatnya kejayaan itu adalah paradoks yang mengandungi dua erti sekaligus iaitu tujuan dan perjalanan. Tujuan kita bekerja atau berkhidmat adalah untuk mendapat rezeki dan dikongsi bersama seluruh ahli keluarga melalui mata pencarian yang halal. Perjalanannya pula adalah kerja-kerja yang diamanahkan kepada kita untuk dilaksanakan berlandaskan objektif, misi dan visi jabatan. Setiap mereka yang bekerja perlu bersikap amanah dalam melaksanakan tanggungjawabnya agar memperolehi kejayaan buat dirinya dan organisasi yang terlibat. Di dalam buku *Mindful Challenges Towards Peak Performance*, Poh Teck Lim menyatakan bahawa, kejayaan adalah memaksimumkan potensi diri untuk merealisasikan matlamat utama dalam perjalanan hidup (Poh Teck Lim, 2004). Ini bermaksud, setiap orang yang ingin berjaya perlu meneroka dan mengeksplorasi potensi diri secara maksimum, kemudian menggunakan kemahiran yang ada untuk memberi sumbangan kepada organisasi dan sedia untuk diguna sama secara harmoni.

William Edwards Deming yang juga seorang tokoh pengurusan berkualiti, turut menyatakan seseorang pemimpin yang bagus dan berkualiti tidak hanya diukur daripada tahap kepintaran, tetapi juga dari sudut pemikiran dan hati. Maka jelaslah bahawa kita sentiasa mempunyai pilihan dalam kehidupan seharian. Cecil G. Osborne dalam bukunya *The Art of Getting Along With People* telah mengklasifikasikan manusia itu kepada tiga jenis iaitu orang yang gagal (*losers*), orang yang memanipulasi orang lain (*users*) dan orang yang membuat pilihan (*choosers*). Sewajarnya kita perlu menjadi insan yang membuat pilihan kerana orang yang mampu membuat pilihan akan memilih untuk berjaya dengan memanfaatkan kekuatan dan aset diri sendiri sekaligus membina kesejahteraan dan keharmonian dimana sahaja.

Keberhasilan dalam mencapai misi dan visi perkhidmatan awam akan dapat dikecapi bersama sekiranya setiap individu yang merupakan keluarga besar sektor awam saling menjayakannya. Meneladani kepimpinan Rasulullah SAW dalam setiap urusan dan sentiasa peka dengan isu dan keperluan rakyat dan negara dari semasa ke semasa. Semua pihak harus lebih tangkas dalam setiap tindakan tanpa melanggar dasar dan peraturan yang telah ditetapkan. Jelaslah disini bahawa pemimpin dalam sektor awam, memikul tugas yang lebih berat kerana mereka bukan sahaja menjaga kepentingan rakyat tetapi mereka juga bertanggungjawab menjaga imej dan kepentingan negara.

PENUTUP

“Harimau mati meninggalkan belang, manusia mati meninggalkan nama”. Selagi hidup dan belum terpejamnya mata buat selamanya, setiap seorang dari kita adalah khalifah. Khalifah yang dipertanggungjawabkan untuk menjaga diri sendiri sebaiknya. Sentiasa berusaha menjadi yang terbaik setiap hari supaya tidak tergolong dalam golongan orang yang rugi sekiranya semalam adalah lebih baik dari hari ini. Tidak juga mahu jadi manusia yang sia-sia sekiranya hari ini adalah sama seperti semalam. Dengan erti kata lain, tiada perkembangan baik dalam perjalanan hidup seharian.

Tanggungjawab khalifah tidak habis pada diri sendiri sahaja tetapi bertanggungjawab sepenuhnya kepada mereka yang berada di bawah tadbirannya. Bagaimana pemimpin di mata rakyatnya atau pengurus di mata kakitangannya adalah refleksi kepada apa yang dilakukan oleh dirinya sendiri. *“Gajah sama gajah berjuang, pelanduk mati di tengah-tengah”*. Peribahasa ini memberi gambaran betapa besarnya impak daripada seorang yang bergelar pemimpin. Perlu diingat kita adalah pemimpin pertama kepada diri kita sendiri. Cungkillah sifat baik dalam diri agar keharmonian dapat sama-sama dirasakan oleh semua ahli kumpulan yang berada disekeliling kita.

Teruslah berusaha untuk menjadi pemimpin atau penjawat awam yang baik dan mempunyai daya fikiran jauh ke hadapan serta berwawasan. Kepimpinan seperti ini akan sentiasa dipandang oleh masyarakat sekeliling sebagai satu kepimpinan yang mempunyai nilai dan diyakini. Kesemua ciri atau nilai itu sekali gus melambangkan keperibadian dimiliki Rasulullah SAW yang mempunyai prinsip wawasan masa hadapan, musyawarah dan mempunyai kepemimpinan dengan teladan atau uswatun hasanah.

RUJUKAN

- Al-Quran, Surah al-Maidah, 5 : ayat 8.
Al-Quran, Surah al-Hujurat, 49 : ayat 13.
Al-Quran, Surah al-Baqorah, 1 : ayat 286.
Al-Quran, Surah al-An’am, 6 : ayat 111.
Al-Quran, Surah al-Baqorah, 1 : ayat 159.
Al-Quran, Surah at-Tiin, 95 : ayat 4.
Al-Quran, Surah al-A’raf, 7 : ayat 142.
Anwar Ibrahim, *For A Better Malaysia, An Empowering Vision and Policy Framework For Action*, Institut Darul Ehsan, The Centre for Postnormal Policy & Future Studies, 2022.
Barbara Fredrickson, *The Role of Positive Emotions in Positive Psychology*, The Journal of Positive Psychology, 2001.
Berita Harian Online, <https://www.bharian.com.my/kolumnis/2018/12/511568/hubungan-kaum-harmoni-ikut-perspektif-islam>.
Dr. Danial Zainal Abidin, *Minda Muslim Super, Formula terunggul melahirkan peribadi abid personaliti terbilang minda muslim kelas pertama berkualiti global*, PTS Millennia Sdn. Bhd. 2008.
Handbook Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar, Jabatan Pembangunan dan Perusahaan, Kementerian Sumber Manusia, *Keharmonian di Tempat Pekerjaan*, Cetakan Kelima, 2013.
Lim, Poh Teck, *Mindful Challenges Towards Peak Performance*, Subang Jaya, Pelanduk Publication (M) Sdn Bhd. 2000.
Prof Dr. Taufiq Yap Yun Hin, *Islam Anjur Hidup Dalam Harmoni*, Metro, November 2018.
Stephen R. Covey, *Be Proactive, Begin with The End in Mind, Put First Thing First, Think WinWin*, in the book: *The 7 Habits Of Highly Effective People*. Interactive Edition. 1989.